

20/10/1998

Pengambilan 120,000 pekerja asing dilulus

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan meluluskan pengambilan baru 120,000 pekerja asing bagi menampung kekurangan tenaga pekerja dalam tiga sektor produktif, iaitu pembinaan, perkilangan dan perladangan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Menteri Dalam Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing, meluluskan pengambilan itu, minggu lalu.

Sejak Januari hingga September lalu, jawatankuasa itu sudah meluluskan dua pengambilan pekerja asing berjumlah 100,000 orang.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan hanya membenarkan pekerja dari Indonesia dan Thailand diambil bagi menampung kekurangan 100,000 tenaga buruh di Semenanjung manakala selebihnya di Sarawak kerana berpendapat lebih baik mengutamakan rakyat negara jiran.

Katanya, pengambilan pekerja itu dibuat berikutan keperluan mendesak dalam sektor berkenaan dan kerajaan sedar mengenai tuntutan majikan di sektor terbabit yang amat memerlukan tenaga pekerja.

"Pengambilan pekerja asing itu juga membuktikan peluang kerja di Malaysia masih banyak, walaupun negara dilanda kegawatan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka sempena Hari Deepavali anjuran Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu di Dewan Sekolah Tinggi Chung Hwa, Jalan St Thomas, off Jalan Ipoh di sini, hari ini.

Kali pertama kerajaan meluluskan pengambilan pekerja asing pada tahun ini membabitkan 50,000 pekerja, iaitu 30,000 orang bagi sektor perkilangan dan 20,000 (perladangan). Selepas itu, 50,000 lagi pekerja asing diambil iaitu 20,000 bagi sektor perkilangan, perladangan (10,000) dan Sabah (20,000).

Butiran lanjut mengenai pekerja asing di Malaysia akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing yang dipengerusikan Dr Mahathir, tidak lama lagi. Sebelum ini, mesyuarat itu dipengerusikan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Tajol Rosli, walaupun tiga sektor berkenaan kekurangan pekerja, kerajaan tidak boleh mengambil pendatang tanpa izin kerana mereka masuk secara haram.

"Mereka yang melanggar undang-undang mesti balik dan jika mahu bekerja mesti mengikut peraturan," katanya.

Mengenai program pengampunan yang berakhir 31 Oktober ini, Tajol Rosli berkata kerajaan tidak akan melanjutkan tempoh dua bulan untuk pekerja terbabit menguruskan dokumen dan tiket perjalanan pulang.

Menurutnya, pengambilan baru pekerja asing juga tidak membabitkan sebahagian daripada kira-kira 300,000 pendatang asing di negara ini yang sepatutnya pulang sebelum akhir bulan ini menerusi program pengampunan.

Katanya, pendatang tanpa izin yang sudah menguruskan dokumen perjalanan dengan kedutaan masing-masing tetapi tarikh tiket pulang selepas 31 Oktober, dibenarkan berada di negara ini sehingga tarikh perjalanan itu.

"Kita benarkan pendatang itu berada di negara ini hingga tarikh perjalanan pulang tetapi mereka mesti mendapat pengesahan Jabatan Imigresen sebelum 31 Oktober ini," katanya.

Menurutnya, kelonggaran itu tidak diberikan kepada semua pendatang tanpa izin, sebaliknya kepada yang sudah menguruskan perjalanan pulang tetapi

tidak boleh balik sebelum tarikh itu.  
(END)